

MIKOSTAT ORAL SUSPENSION

Nystatin (100,000 IU/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mikostat
2. Bagaimana Mikostat berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mikostat
4. Cara menggunakan Mikostat
5. Semasa menggunakan Mikostat
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mikostat
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan mikostat

Mikostat Oral Suspension digunakan untuk rawatan jangkitan kulat dalam rongga mulut.

Bagaimana Mikostat berfungsi

Nystatin adalah bahan aktif Mikostat. Nystatin berfungsi dengan membunuh kulat *Candida* yang menyebabkan jangkitan mulut.

Sebelum menggunakan Mikostat

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil Mikostat jika anda alah kepada Nystatin atau mana-mana bahan dalam produk.

Kanak-kanak tidak boleh diberikan ubat ini jika mereka tidak bertoleransi kepada gula.

Jangan mengambil Mikostat sekiranya mana-mana yang di atas terjadi kepada anda. Sekiranya anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Mikostat.

- *Sebelum menggunakan Mikostat*

Mikostat Oral Suspension tidak sepatutnya digunakan jika anda menghadapi jangkitan kulat yang sedang merebak ke seluruh badan (systemic mycoses).

Jika kerengsaan atau alahan berlaku, rawatan perlu diberhentikan.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Doktor anda akan dapat memberitahu anda jika terdapat masalah yang boleh berlaku apabila mengambil Mikostat dengan ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Mikostat

Sentiasa mengambil Mikostat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Jangan gunakan ubat ini jika penutup telah rosak.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Orang dewasa dan Kanak-kanak:

1 hingga 6 mL (100,000 ke 600,000 unit nystatin) empat kali sehari.

Persediaan cecair harus dibiarkan di dalam mulut selama beberapa minit sebelum ditelan.

Kanak-kanak di bawah 12 tahun:

Untuk kanak-kanak, sapu setengah daripada dos pada setiap sisi mulut.

Jika simptom dan tanda-tanda menjadi lebih buruk atau berterusan (lebih daripada 14 hari), orang itu perlu dinilai semula, dan terapi alternatif perlu dipertimbangkan.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil Mikostat seperti yang disyorkan oleh doktor anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Pengambilan Mikostat Oral Suspension sepatutnya diteruskan untuk sekurang-kurangnya 48 jam selepas simptom hilang.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda mengingatinya. Jangan cuba untuk mengambil dos yang lebih pada satu masa untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Telefon doktor anda atau pergi ke jabatan kecemasan di hospital terdekat dengan segera jika anda atau sesiapa sahaja telah mengambil Mikostat dalam kuantiti yang banyak. Lakukan perkara ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Pastikan anda menunjukkan bungkusan Mikostat kepada doktor.

Semasa menggunakan Mikostat

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil Mikostat seperti yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

Amalan menjaga kebersihan mulut yang baik adalah penting, terutamanya kepada mereka yang menggunakan gigi palsu.

Teruskan temu janji susulan dengan doktor anda. Ia mungkin perlu untuk memastikan Mikostat telah berfungsi dengan baik.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Wanita hamil

Mikostat hanya boleh diambil semasa mengandung jika doktor anda berpendapat bahawa ia diperlukan.

Ibu Menyusu

Adalah tidak diketahui sama ada nystatin boleh masuk ke dalam susu badan. Oleh itu, dapatkan nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Tanya doktor atau ahli farmasi anda

untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Mikostat kebiasaannya dapat diterima dengan baik.

Jika Mikostat diambil pada dos yang tinggi, ia kadang-kala mengakibatkan gangguan perut dan usus seperti loya, muntah dan cirit-birit.

Kesan sampingan yang dilaporkan setelah mengambil nystatin secara oral adalah seperti kerengsaan mulut, mulut menjadi lebih sensitif dan ruam (termasuk urtikaria). Reaksi kulit yang serius seperti melepuh pada kulit, mulut, bibir, mata dan kemaluan (*Stevens-Johnson syndrome*) jarang dilaporkan.

Beritahu doktor mengenai sebarang kesan sampingan yang bermasalah atau berterusan.

Jika mana-mana kesan-kesan sampingan semakin serius, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Mikostat

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan Mikostat selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan selepas 'EXP' pada botol dan karton. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat ini.

Simpan ubat anda dalam pek asal.

Jika anda keluarkan ubat dari bekas asal, ini mungkin akan menyebabkan ubat tidak tahan lama.

Simpan pada suhu di bawah 25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air kumbahan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian berwarna kuning cair ke kuning gelap yang sekata, mempunyai rasa gula-gula karamel yang manis.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Nystatin

Setiap 1ml mengandungi 100,000 IU Nystatin.

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain adalah Sucrose, Methyl paraben, Propyl paraben, Sorbitol, Avicel, Glycerol, CMC sodium, Tween 80, Sodium saccharin, Caramel-toffee flavor, Ethanol, Sodium hydroxide, Hydrochloric acid dan air tulen.

- Nombor MAL

MAL07124631AZ

Pengilang

Gulf Pharmaceutical Industries (Julphar)
Digdaga, Airport Street
P.O.Box 997,
Ras Al Khaimah,
United Arab Emirates

Pemegang Pendaftaran Produk

Averroes Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
11E, Level 5, Block 1
Worldwide Business Center
Jalan 13/50, Section 13

40000 Shah Alam, Selangor
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
29/07/2015

Nombor siri:
BPFK(R4/1)240715/00223